

**Bertanding Atas Keupayaan Sendiri Jangan Peralat Nama PM - Syed Ali
Bernama
2 Oct, 2013**

KUALA LUMPUR, 2 Okt (Bernama) --Ketua Umno Bahagian Cheras, Datuk Seri Syed Ali Alhabshee meminta calon yang bertanding pada pemilihan Umno termasuk bagi jawatan Naib Presiden supaya bertanding atas kekuatan sendiri dan jangan menumpang populariti presiden parti, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau tidak mahu tempoh berkempen menjelang pemilihan parti dicemari oleh perbuatan tidak bertanggungjawab oleh sesetengah pihak dan mengingatkan agen calon supaya tidak membuat dakwaan tidak berasas kononnya calon tertentu itu mendapat restu daripada Perdana Menteri.

"Jangan buat cerita bohong kononnya calon itu mendapat restu PM manakala calon ini pula tidak disukai oleh Najib, itu semua cerita karut," tegas beliau dalam laman blog www.umnobahagiancheras.blogspot.com

Katanya, Najib termasuk timbalannya Tan Sri Muhyiddin Yassin tidak pernah memihak kepada mana-mana calon termasuk bagi jawatan Naib Presiden.

Sebaliknya tegas beliau, calon yang menawarkan diri perlu bertanding atas keupayaan sendiri dengan mematuhi segala pantang larang semasa berkempen.

Syed Ali berkata, Umno merupakan sebuah keluarga besar dan sebarang pertandingan hendaklah berlaku secara sihat dengan penuh semangat kekeluargaan.

"Sebagai sebuah keluarga yang besar, tidak sepatutnya berlaku perbuatan yang boleh merosakkan nama baik parti," tegasnya sambil berkata tugas berat ahli-ahli Umno ialah untuk berdepan dengan pihak pembangkang.

Sehubungan itu jelas beliau, pemilihan parti Oktober ini hendaklah dilihat sebagai satu persaingan positif dalam memilih pemimpin yang benar-benar berwibawa.

"Calon yang sanggup menawarkan diri itu sudah tentu mempunyai keupayaan tersendiri, jadi bertandingleh secara sihat dan jangan nak tumpang nama orang lain untuk dapat sokongan perwakilan," ujarnya.

Menurut beliau, calon yang memiliki rekod perkhidmatan bersih, mesra rakyat, tidak sombong dan berkualiti tidak perlu gusar menjelang hari pemilihan.

Ini kata beliau, perwakilan sudah matang untuk membuat penilaian terbaik dalam memilih calon mana yang perlu di undi atau sebaliknya.

"Kita alu-alukan penyertaan ramai calon, tetapi jangan jual atau peralatkan nama Najib untuk raih undi perwakilan," tegasnya .

Tambah Syed Ali lagi, amalan demokrasi sentiasa subur dalam UMNO dan sesiapa sahaja layak menawarkan diri untuk memegang jawatan tertentu dalam parti jika memenuhi syarat yang telah ditetapkan.

"Oleh sebab itu pada pemilihan UMNO, tidak ada had berapa ramai yang nak bertanding

bagi sesuatu jawatan, ini selaras dengan pindaan perlembagaan parti," ujarnya.

Beliau sekali lagi mengingatkan calon dan perwakilan supaya tidak terjebak dengan amalan politik wang.

Katanya, budaya politik wang tidak menjamin kekuatan UMNO sebaliknya akan membawa kehancuran dan parti akan disisihkan oleh rakyat terutama orang Melayu.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=982509>